

BIL.
1

BERITA



PASIR GUDANG

EDISI PERTAMA 2019

JANUARI - FEBRUARI

١٤٤٠ - مٰجٰدی الْعَمَرٰ

TERBITAN RASMI MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG

Festival LAYANG-LAYANG SEDUNIA

KE
24TH PASIR GUDANG
WORLD KITE
FESTIVAL

The Beauty Of Culture



Menarik Di Dalam...

**Program Green Ride
Pasir Gudang**

**Walkabout
Zon Air Biru**

MPPG Peduli Palu



MPPG JUARA BERTAHAN LIGA BOLA SEPAK PIALA YANG DIPERTUA



PERUTUSAN YANG DIPERTUA

MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG



AJK SIDANG REDAKSI 2019

PENASIHAT

Tuan Haji Zainor bin Adani
Yang Dipertua MPPG

KETUA EDITOR

Encik Sulaiman bin Ismail
Setiausaha MPPG

PENOLONG KETUA EDITOR

Tuan Haji Ab. Jalil bin Ab. Rahman

PENGARANG

Encik Nik Masri bin Moharani

PEMBERITA

Encik Basar bin Khalil
Puan Nadzasha binti Mohd Puad

JURUFOTO

Encik Khairul Anuar bin Muhamad Sayut
Encik Muhammad Amirul Hidayat bin Mohd Fazli

KANDUNGAN

- 3 ► Pasir Gudang Berselawat Pembuka Tahun Baru 2019
- 4 ► Juara Bertahan Liga Bolasepak Piala Yang Dipertua MPPG 2018 MPPG SC Kekal Cemerlang
- 5 ► *The Beauty of Culture* Dipilih Sebagai Tema Festival Layang-Layang Sedunia Pasir Gudang Ke-24-2019
- 6 - 7 ► Lensa Khas : Festival Layang-Layang Sedunia Pasir Gudang Ke-24-2019
- 8 ► Program Green Ride Pasir Gudang
- 9 ► Perhimpunan Bulan Januari
- 10 - 11 ► Lensa Bulanan

Satu saja ungkapan yang dapat saya gambarkan iaitu syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah SWT kerana berkat izin dan limpah kurnia-Nya dapat kita berjumpa lagi pada bulan pembuka tahun 2019 iaitu bulan Januari dan Februari di edisi pertama Berita Pasir Gudang (BPG). Semoga kita semakin bersyukur dengan apa yang kita perolehi pada hari ini. Ini bermakna kita sudah bermula di era tahun baru bagi tahun 2019. Tidak terlalu lewat bagi saya untuk mengucapkan SELAMAT TAHUN BARU 2019 kepada semua pembaca dan diharapkan dengan bermulanya tahun baru ini, kita menjadi semakin matang dan dewasa dalam menjalani kehidupan tidak kira dalam apa jua urusan yang dijalani.

Mengimbang kembali, tahun 2018 menyaksikan pencapaian MPPG di tahap yang amat membanggakan dengan kejayaan seperti, Pensijilan EKSA cemerlang dengan 19 pensijilan, Anugerah 1st Place National Scroll of Honour Award 2018, Anugerah Bandar Mampan 2018, "Anugerah Emas" Kumpulan Voltech and Trees di peringkat Asia Pasifik iaitu Asia Pacific Quality Conference (APQC) dan pelbagai lagi kejayaan yang cemerlang telah dicapai. Semoga dengan segala pencapaian ini, memberi galakan dan semangat kepada semua warga kerja agar terus memberi khidmat dan sumbangan yang berterusan.

Sambutan awal bagi tahun 2019 dimulakan dengan program Pasir Gudang Berselawat. Program yang merupakan acara tahunan ini diadakan di Stadium Perbandaran Pasir Gudang. Program Green Ride Pasir Gudang juga telah diadakan pada Januari yang lalu yang melibatkan agensi luar, badan NGO serta Jawatankuasa Zon penduduk. Selain itu, dalam program ini juga, pihak Iskandar Regional Development Authority (IRDA), telah menyumbang 6 buah basikal bagi kegunaan rekreasi di Taman Bandar, Pasir Gudang.

Selain mengekalkan momentum pencapaian yang sangat cemerlang dalam bidang kualiti, MPPG juga turut cemerlang dalam arena lain. Buktinya, apabila pasukan MPPG SC telah dinobatkan sebagai Johan dalam Perlawanan Liga Bolasepak Piala Yang Dipertua edisi 2018 sebagai johan berturut-turut. Selain sukan bolasepak, Kejohanan Liga Sepaktakraw Berpasukan Terbuka MPPG 2018 bagi merebut Piala Yang Dipertua MPPG, telah sempurna dijalankan. MPPG telah berjaya mendapat naib johan dalam kejohanan sepaktakraw yang diadakan. Syabas dan tahniah saya ucapan kepada barisan pemain serta jurulatih dan mereka yang terlibat dalam merealisasikan kejayaan ini.

Bagi bulan Februari 2019 ini, kita dapat menyaksikan sekali lagi penganjuran festival yang merupakan acara tahunan di Pasir Gudang, Festival Layang-Layang Sedunia Pasir Gudang kali ke-24. Dengan memilih tema "*The Beauty of Culture*" atau Keindahan Budaya. Secara simboliknya yang memberi maksud bagaimana kepelbagaiannya budaya itu diraikan dan dikongsi bersama melalui satu acara Festival Layang-Layang yang disertai oleh pelayang-pelayang seluruh dunia. Bagi tahun ini juga, tiga buah negara baru yang pertama kali turut memeriahkan Festival ini ialah Bulgaria, Hungary, Colombia dan Venezuela, menjadikannya sebanyak 43 buah negara Festival ini telah berlangsung dengan meriah di Bukit Layang-Layang, Taman Bandar bermula 27 Februari yang lalu sehingga 3 Mac 2019.

Selain itu, aktiviti bulanan, perhimpunan bulanan bagi bulan Januari dan Februari juga telah sempurna diadakan. Selain berkongsi maklumat, perhimpunan ini juga dapat mengumpulkan seluruh anggota pekerja setiap bulan ia dijalankan. Acara senam robiik turut diadakan selepas program selesai. Kelab Sukan dan Kebajikan MPPG juga melalui Biro Agama telah dengan kerjasama Unit Latihan MPPG menganjurkan Seminar Al-Quran Cahaya Kehidupan pada 17 Februari yang lalu.

Akhir kata, kepentingan hubungan masyarakat dengan kerajaan seperti MPPG perlu terus utuh dan mampu memberi perkhidmatan yang saksama dan terbaik kepada masyarakat setempat. Saya berharap dengan kepercayaan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada kita semua dapat memberi suntikan moral kepada semua warga kerja MPPG untuk terus komited dalam menjalankan tugas dan amanah yang telah diberikan.

Sehingga kita berjumpa lagi dalam keluaran akan datang.

Haji Zainor bin Adani
Yang Dipertua MPPG

- 12 ► Kejohanan Liga Sepaktakraw Terbuka MPPG 2018 merebut Piala Yang Dipertua
- 13 ► Pembuatan *Em-Mudball* diperkenalkan Di Kota Masai 3
- 14 ► JKPZ Kota Masai 3 Anjur Kursus Program Jenazah
- 15 ► Seminar Al-Quran Cahaya Kehidupan
- 16 ► MPPG Peduli Palu
- 17 ► Program Gotong Royong JKPZ Zon Air Biru
- 18 - 19 ► Lensa Yayasan Pasir Gudang
- 20 ► Info Terkini : Permohonan Bazar Ramadan 2019



PASIR GUDANG BERSELAWAT PEMBUKA TAHUN BARU 2019

SOLATUN BIS SALAMIL MUBIN

حَلَّةٌ بِالسَّلَامِ الْمُبِينِ ۝ لُقْلُقَةُ التَّعْبِينِ يَا عَزَّارَمِي
نَعَى كَانَ أَحَىلَ الشَّكُونِ ۝ مِنْ عَهْدِكَنْ فِي حَنْ ۝ يَا عَزَّارَمِي
أَهَامَنْ حَادَتْ حَقًا تَذَرِيرِ ۝ تَعْبِيَّاً مِنْ شَاسِئَ الرَّشَادِ
رَسُولُ اللَّهِ يَا حَنَوَى الْحَبِيبِ ۝ وَيَاقِنَ حَادَهُ بِالْحَقِّ الْمُبِينِ
حَلَّةٌ لَّمْ تَرُلْ تُشَلِّي عَلَيْكَ ۝ كَمْ يَعْطَارُ التَّسِيمِ تُهَدِّي إِلَيْكَ



Sesungguhnya Allah dan malaikat-malaikat NYA berselawat kepada Nabi. Wahai orang-orang yang beriman, berselawatlah kamu kepada Nabi dan ucapkanlah salam penghormatan kepadanya. (Surah Al-Ahzab ayat : 56).

Pasir Gudang Berselawat yang merupakan acara tahunan diadakan di Stadium Perbandaran Pasir Gudang pada 3 Januari 2019. Hampir 3000 orang yang terdiri daripada lelaki, wanita dewasa dan kanak-kanak turut bersama-sama menghayati dan mengikuti bacaan selawat yang dialunkan. Bagi edisi kali ini, Ybhg. Tuan Habib Syech bin Abdul Qodir Assegaf bersama ahli kumpulannya masih mengetuai bacaan alunan selawat serta zikir dan qasidah yang dialunkan.

Program anjuran bersama Yayasan Pasir Gudang, Jawatankuasa Penduduk Pasir Gudang (JKPZ) serta agensi bukan Kerajaan dianjurkan adalah bersempena menyambut tahun 2019 secara Islamik dengan aktiviti pengisian rohani. Antara objektif pengajurannya ialah memperteguh hati dan jiwa, menzhirkkan kegembiraan kita terhadap Nabi Muhammad SAW sebagai rahmat untuk sekalian alam dan menyuburkan rasa cinta kepada Allah dan Rasullah SAW. Sambutan tahun baru secara Islamik ini dilihat dapat memberikan lebih pengisian rohani kepada pengunjung yang hadir.

Program dimulakan jam 6.30 petang dengan ketibaan tetamu jemputan, solat maghrib berjemaah, seterusnya bacaan Ratib Al-Attas Wa Asmaul Husna telah dipimpin oleh Tuan Habib Syed Husin bin Alwi. Selepas solat Isyak berjemaah pula, bacaan selawat telah bergema dengan alunan suara lebih

3000 hadirin yang dipimpin oleh Ybhg. Tuan Habib Syech bin Abdul Qodir Assegaf.

Hadir sama dalam program ini, Pegawai Kewangan Negeri Johor, YBhg. Dato' A.Rahim Hj. Nin, ADUN Permas, Ybhg. Dato' Che' Zakaria bin Mohd Salleh, Ahli Parlimen Pasir Gudang, YB Tuan Hj. Hasan bin Karim, Yang Dipertua MPPG, Tuan Hj. Zainor bin Adani, Ahli-Ahli Majlis MPPG, serta muslimin dan muslimat.

Kesungguhan orang ramai untuk menghayati selawat ke atas Nabi Muhammad S.A.W. ini boleh dilihat apabila orang ramai membanjiri perkarangan Stadium Perbandaran Pasir Gudang seawal pukul 6.00 petang. Beberapa lagu qasidah dan selawat seperti Ya Hanana, Ya Habibi, qasidah Ifittah, Ya Imama Rusli, Busyra Lana serta banyak lagi lagu-lagu bacaan selawat yang telah diperdengarkan.





JUARA BERTAHAN LIGA BOLASEPAK PIALA YANG DIPERTUA MPPG 2018 MPPG SC KEKAL BERAKSI CEMERLANG

Arena sukan bolasepak MPPG mengekalkan momentum kecemerlangannya sekali lagi apabila beraksi cemerlang dalam Kejohanan Liga Bolasepak Piala Yang Dipertua 2018 yang berlangsung di Stadium Bolasepak Pasir Gudang pada 10 Januari yang lalu.

Dengan mengekalkan beberapa barisan pemain serta jurulatih yang mampu mematahkan tindakan pihak lawan, perlawanan akhir yang berlangsung mencatat masa hampir 3 jam yang berakhir dengan sepakan penalti 5-4. Kejohanan bolasepak berprestij yang diadakan edisi kali ini begitu bermakna apabila MPPG SC sekali lagi dinobatkan sebagai johan dengan membawa pulang hadiah kemenangan RM15,000.00 beserta piala iringan, piala pusingan dan medal. Manakala naib johan pula membawa pulang wang kemenangan RM7,000.00 beserta medal dimenangi oleh pasukan Johor Port FC. Tempat ketiga bersama telah disandang oleh Iskandar FC dan Sengat FC. Masing-masing telah membawa pulang wang tunai sebanyak RM3,000.00 beserta medal.

Majlis penyampaian hadiah diserikan dengan kehadiran tetamu kehormat YB Dato' Seri Che Zakaria bin Mohd Salleh ADUN Permas, Tuan Haji Zainor bin Adani, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pasir Gudang, En. Sulaiman Bin Ismail, Setiausaha Majlis Perbandaran Pasir Gudang, Whip-Whip Parti dan Ahli-Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Pasir Gudang serta Ketua-ketua Jabatan Majlis Perbandaran Pasir Gudang. Pasukan MPPG SC mendapat sentuhan latihan oleh, Encik Walid bin A. Rahim dan pengurus Encik Mahadzir bin Ahmad.

Tahniah dan syabas diucapkan kepada MPPG SC dan semoga terus melakar kejayaan yang lebih tinggi pada masa akan datang.





Festival LAYANG-LAYANG SEDUNIA

KE 24TH PASIR GUDANG WORLD KITE FESTIVAL

The Beauty Of Culture

“THE BEAUTY OF CULTURE” DIPILIH SEBAGAI TEMA FESTIVAL LAYANG-LAYANG SEDUNIA PASIR GUDANG KE-24, 2019

Festival Layang-Layang Sedunia Pasir Gudang tahun 2019 telah memasuki edisi yang ke-24. Bagi penganjuran tahun ini, tema yang dipilih ialah “The Beauty of Culture” atau Keindahan Budaya. Secara simboliknya yang memberi maksud bagaimana kepelbagaiannya budaya itu diraikan dan dikongsi bersama melalui satu acara Festival Layang-Layang yang disertai oleh pelayang-pelayang seluruh dunia, khususnya dan tempatan amnya. Maka budaya yang digarapkan dalam satu acara seperti ini sudah pasti akan menyerlah serta mewujudkan keindahan suasana yang penuh warna-warni.

Festival yang merupakan acara tahunan anjuran Kerajaan Negeri Johor melalui Majlis Perbandaran Pasir Gudang dengan kerjasama Tourism Johor, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia, Majlis Pelayang Malaysia dan Persatuan Pelayang Johor merupakan salah satu acara utama di dalam Kalender Pelancongan Negeri Johor khususnya dan Malaysia amnya.

Festival ini dimulakan dengan sesi pra pelancaran yang bertempat di Capital City Entertainment Mall, Johor Bahru pada 17 Februari yang lalu. Festival kali ini terdapat lebih dari 800 orang peserta melalui penyertaan di peringkat Persatuan/Kelab, NGO, Komuniti dan Sekolah. Dan lebih 240 pelayang antarabangsa dari 43 buah Negara.

Tiga buah negara baru yang pertama kali turut memeriahkan festival ini ialah Bulgaria, Hungary, Colombia dan Venezuela. Seterusnya festival ini telah berlangsung dengan meriah di Bukit Layang-Layang, Taman Bandar Pasir Gudang pada 27 Februari hingga 3 Mac 2018. Sebanyak 7 kategori penyertaan telah dianjurkan melibatkan Peringkat Antarabangsa, Kebangsaan, Sekolah Menengah, Sekolah Jemputan bagi bengkel, PBT Johor, Rokaku Korporat dan Komuniti 24 Zon Pasir Gudang yang melibatkan seramai 1135 orang peserta secara keseluruhan.

‘Walkabout’ Yang Berhormat Cik Liow Cai Tong, Exco Pembangunan Wanita dan Pelancongan Negeri Johor, telah diadakan pada 2 Mac. Dalam lawatannya, beliau telah melawat bengkel pembuatan wau, beramah mesra bersama peserta-peserta festival, menyertai bengkel mengukir wau bersama peserta kebangsaan dan bersama-sama ahli jawatankuasa festival menerangkan layang-layang di padang astaka Bukit Layang-Layang. Edisi kali ini turut berkongsi kesungguhan dan usaha Yang Dipertua MPPG sendiri dalam menghasilkan dan menyiapkan wau merak. Pada sebelah malam pula, telah diadakan Majlis Perasmian yang dihadiri dan dirasmikan oleh Duli yang Amat Mulia Tunku Tun Aminah Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Puteri Johor. Persembahan layang-layang bercahaya, persembahan kupu-kupu bercahaya

oleh pasukan go fly kite dari Singapura dan persembahan inspitari Joget Wau Merak oleh Yayasan Warisan Johor turut dipersembahkan.

Antara acara yang di pertandingkan sepanjang festival ini berlangsung ialah, Pertandingan Layang-Layang Peringkat Kebangsaan, Pertandingan Membuat Wau Tradisional Peringkat Kebangsaan, Sekolah dan PBT Johor, Pertandingan Rokaku Korporat, Pertandingan ‘Lollypop Drop’ oleh Peserta Antarabangsa dan Tempatan, Persembahan Kebudayaan dan Artis Jemputan, Ekspos Pelancongan dan Kraftangan dan pelbagai lagi acara menarik. Majlis Penutup telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Hj. A. Rahim bin Hj. Nin Pengurus Persatuan Pelayang Malaysia, selaku wakil rasmi Pengurus Jawatankuasa Pelancongan Perdagangan dan Kepenggunaan.

Dianggarkan hampir 300,000 orang pengunjung telah hadir bagi meraikan dan memeriahkan aktiviti sepanjang festival ini berlangsung. Semoga penganjurannya pada tahun akan datang akan lebih meriah dan mendapat sambutan secara berterusan.

LENSA
EDISI
KHAS



Festival LAYANG-LAYANG SEDUNIA

24th PASIR GUDANG
WORLD KITE
FESTIVAL

The Beauty Of Culture

27 FEB - 3 MAC 2019

BUKIT LAYANG-LAYANG, PASIR GUDANG

Layang-layang menghiasi awan
dengan penuh warna, rupa dan saiz.



Yang Dipertua turut serta dalam aktiviti merangka wau





Gimik perasmian festival dengan tema *Beauty of Culture* bagi tahun ini



Timbalan Pengerusi Festival Layang-Layang Sedunia Pasir Gudang, En Hasrin bin Kamal di malam taklimat peserta antarabangsa



Antara layang-layang gergasi yang diterbangkan oleh peserta antarabangsa



YAM Tunku Tun Aminah binti Sultan Ibrahim merasmikan Festival Layang-Layang Sedunia Pasir Gudang kali ke-24, 2019



YB Liow Cai Tung, Pengurusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Pelancongan bersama barisan penaja sempena Pra Pelancaran Festival Layang-Layang Sedunia Pasir Gudang di Capital City Johor Bahru



YB Liow Cai Tung, berminat mencuba aktiviti menyobek wau



MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG



Yang Dipertua merasmikan program berbasikal Green Ride Pasir Gudang

PROGRAM GREEN RIDE PASIR GUDANG

Program ini adalah kerjasama antara Majlis Perbandaran Pasir Gudang dan IRDA bagi menyokong kempen program ke arah Low Carbon Society yang telah di adakan pada 27 Januari 2019 di Taman Bandar, Pasir Gudang.

Program dimulakan dengan acara senamrobik terlebih dahulu sebelum Yang Di Pertua MPPG Tuan Hj. Zainor bin Adani merasmikan acara berbasikal dalam program ini. Seramai hampir 120 orang peserta berbasikal telah menyertai program ini. Penganjuran program ini adalah bertujuan menggalakkan masyarakat Pasir Gudang menjayakan kempen ke arah bandar rendah karbon. Pada majlis ini pihak *Iskandar Regional Development Authority* (IRD) telah menyumbangkan 6 buah basikal yang bernilai RM3,600.00 bagi kegunaan rekreasi di Taman Bandar kepada MPPG sebagai simbolik menyokong program ini.



Pendaftaran peserta bermula seawal pagi



Acara senamrobik turut diadakan sebelum memulakan acara berbasikal.



PERHIMPUNAN BULAN JANUARI

Perhimpunan Pagi merupakan program bulanan yang dianjurkan oleh MPPG. Bagi edisi Januari, ucapan telah disampaikan oleh Setiausaha MPPG, Encik Sulaiman bin Ismail.

Dalam ucapannya, tuan Setiausaha telah mengucapkan Selamat Tahun Baru kepada semua warga kerja dan mengharapkan tahun baru 2019 akan membuka peluang kepada semua warga kerja untuk memberikan perkhidmatan yang lebih cemerlang lagi. Selain itu, beliau turut mengingatkan agar semua warga kerja supaya sentiasa menjaga disiplin dan mengekalkan pelaksanaan EKSA dengan mengamalkan budaya kerja EKSA di setiap jabatan, serta bersedia menghadapi Audit Pemantauan Persijilan ISO 9001-2015 pada bulan Februari nanti.

Hadir sama dalam majlis ini ialah Ketua-ketua Jabatan dan Bahagian serta seluruh warga kerja MPPG. Selain itu, sesi penyampaian hadiah kepada warga kerja yang lahir pada bulan Januari turut diadakan. Program berakhir dengan sesi senaman aerobik oleh semua warga kerja yang hadir.



Penyampaian hadiah kepada warga kerja yang lahir pada bulan Januari telah disampaikan oleh Tuan Setiausaha.



Acara senam robik yang disertai oleh seluruh warga kerja MPPG pada sesi akhir perhimpunan.



3 FEBRUARI
2019

MAJLIS PERHIMPUNAN PAGI



Majlis turut meraikan sambutan ulangtahun kelahiran warga kerja yang lahir pada bulan Februari

20 FEBRUARI
2019

AUDIT PERSIJILAN ISO 2019



Perbincangan dan taklimat telah
dipengerusikan oleh Setiausaha MPPG

CERAMAH KESEDARAN ‘TIDAK KEPADA RASUAH’ SPRM



20 FEBRUARI
2019

LAWATAN KERJA DARI MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU



Lawatan ke Perumahan rumah pangsa MPPG turut diadakan

21 FEBRUARI
2019

LAWATAN EKSA DARI INSTITUSI LATIHAN PERINDUSTRIAN PASIR GUDANG



Delegasi di bawa melawat ke Zon-Zon EKSA di dalam bangunan Menara Aqabah

KEJOHANAN LIGA SEPAK TAKRAW TERBUKA MPPG 2018 MEREBUT PIALA YANG DIPERTUA

Dalam menjadikan sukan sebagai satu lagi aspek pembangunan yang memenuhi kualiti hidup yang maksimum serta aktif, MPPG telah menganjurkan satu lagi kejohanan sukan iaitu Kejohanan Liga Sepak Takraw Terbuka MPPG 2018. Kejohanan yang bermula pada bulan Disember 2018 dan berakhir 9 Februari telah menghimpunkan sebanyak 10 pasukan, dimana setiap pasukan dikehendaki untuk menghantar 3 regu. MPPG juga tidak terkecuali menghantar 2 regu. Perlawanan yang berlangsung setiap minggu ini diadakan di dewan Taman Mawar dari jam 8.00 malam hingga 11.00 malam.

Kejohanan ini juga merupakan anjuran bersama Persekutuan Sepak Takraw Negeri Johor. Perlawanan setiap kumpulan diadakan secara liga. Perlawanan akhir pula telah berlangsung pada 9 Februari yang lalu dengan menyaksikan pertembungan antara pasukan HSTC dan MPPG A. Kemenangan telah berpihak kepada pasukan HSTC apabila dinobatkan sebagai juara bagi edisi kali ini. Tahniah diucapkan. Majlis penyampaian hadiah disempurnakan oleh En. Farhan bin Abu Hassan Shaari Ahli Majlis, MPPG.

Antara pasukan yang bertanding ialah pasukan Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP), Larkin, MPPG A, MPPG B, KSKPKP JB, KSBP Kulai, Permas Jaya, KSTTC Cendana, Kangkar Pulai dan pasukan HSTC.

Berikut pula merupakan keputusan yang dicatatkan

| | |
|-------------------|---------------------------------------------------------|
| JOHAN | - HSTC |
| | WANG TUNAI RM 3,000.00 + MEDAL + PIALA + PIALA PUSINGAN |
| NAIB JOHAN | - MPPG A |
| | WANG TUNAI RM 1,500.00 + MEDAL |
| KETIGA | - KANGKAR PULAI |
| | WANG TUNAI RM 750.00 + MEDAL |
| KEEMPAT | - MBIP |
| | WANG TUNAI RM 500.00 + MEDAL |



Antara aksi sengit perlawanan akhir pasukan MPPG A menentang pasukan HSTC

PEMBUATAN EM-MUDBALL DIPERKENAL DI KOTA MASAI 3

Pembuatan *E-Mudball* telah diperkenalkan di Pasir Gudang bagi tujuan mengatasi masalah pencemaran sungai di kawasan Pasir Gudang. Bagi memberi kesedaran kepada penduduk serta masyarakat Pasir Gudang tentang kesedaran menjaga alam sekitar, program pembuatan *Em-Mudball* telah dianjurkan oleh Jawatankuasa Zon Penduduk (JKPZ) Kota Masai 3.



Peserta diberi taklimat dan oleh pegawai MPPG mengenai apakah itu *mudball* dan bagaimanakah ia berfungsi di dalam air



Para peserta diberi pendedahan mengenai apakah itu *mudball* dan bagaimana ia berfungsi di dalam air bagi mengatasi masalah pencemaran serta air sungai yang kotor dan diajar cara bagaimana pembuatan *mudball* yang dihasilkan melalui beberapa bahan khusus.



Penyerahan sijil kepada pegawai Zon Kota Masai 3,
Tuan Haji Sabarudin bin Haji Burahan

Antara objektif pengajuran program ini ialah memberi pendedahan kepada JKPZ Zon Kota Masai 3 dan komuniti mempelajari tatacara pembuatan *Em-Mudball*, bagi sama-sama membantu pihak MPPG mengatasi masalah pencemaran sungai-sungai yang terdapat di kawasan pentadbiran Pasir Gudang selain dapat menambahkan sumber pendapatan penduduk kerana *Mudball* yang dihasilkan akan dijual semula kepada MPPG.



Peserta didekah dengan cara-cara pembuatan *mudball* yang betul.

JKPZ KOTA MASAI 3

ANJUR KURSUS PENGURUSAN JENAZAH



Peserta kursus bergambar bersama sijil penyerahan selepas tamat kursus.

Jawatankuasa Zon Penduduk Kota Masai 3, mengambil inisiatif menganjurkan Kursus Pengurusan Jenazah Wanita bertempat di Balai Komuniti Kuini Kota Masai. Program anjuran bersama Hal Ehwal Wanita (HELWA) Masjid At-Taqwa dan HELWA Surau Nur Iman di adakan pada 16 Februari yang lalu disertai oleh seramai 63 orang penduduk.

Pengisian kursus telah disampaikan oleh Ustazah Hajah Ruminah Binti Sidek yang mendapat pentaulahan dari Jabatan Agama Islam Johor. Antara objektif penganjurannya ialah memberi pendedahan kepada AJK JKPZ Zon Kota Masai dan komuniti mempelajari tatacara pengurusan jenazah wanita dengan sempurna dan betul. Ianya juga memberi faedah kepada masyarakat sebagai mempelajari tuntutan ilmu fardu kifayah ini kepada setiap individu terhadap tanggungjawab menguruskan jenazah serta merapatkan hubungan antara ahli jawatankuasa dan komuniti dengan MPPG supaya saling bekerjasama sepenuhnya dalam usaha menjadikan kawasan komuniti yang aktif dalam pelbagai aktiviti.

Dalam sesi yang diadakan peserta telah diterangkan cara dan proses mengendalikan jenazah dari awal permulaan, memandikan, mengkafarkan, serta cara solat jenazah dengan betul. Demonstrasi cara mengkafarkan jenazah juga ditunjukkan secara tertib dan teratur. Kursus ini selesai diadakan pada jam 4.00 petang.



Demonstrasi mengkafarkan jenazah wanita dengan cara yang betul.

SEMINAR “AL-QURAN CAHAYA KEHIDUPAN”



Majlis Perbandaran Pasir Gudang melalui Biro Agama Kelab Sukan & Kebajikan Pasir Gudang dengan kerjasama Unit Latihan MPPG telah menganjurkan Seminar Al-Quran Cahaya Kehidupan. Program yang diadakan pada 17 Februari yang lalu telah disertai oleh 50 orang warga kerja MPPG. Seminar telah dirasmikan oleh Al-Fadhil Ustaz Mohd Syafiee Bin Abd Rahman, Eksekutif Agama Waqaf An Nur Corporation Berhad.

Antara objektif penganjuran program ini, membuka minda kepada warga kerja agar minat dan cinta kepada Al-Quran, memberi kefahaman dan panduan dalam kehidupan, melahirkan warga kerja yang hebat dunia dan akhirat serta mengeratkan hubungan silaturrahim dikalangan warga kerja.

Rasulullah bersabda:
Orang yang membaca Al-Quran dan ia benar dalam membacanya, maka ia akan bersama para malaikat yang mulia. Dan orang yang membaca Al-Quran dengan terbata-bata karena kesusahan maka ia mendapatkan dua pahala. (HR. Muttaqaqun alaih)



MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG **PEDULI PALU**

Sebagai satu usaha bagi membantu negara jiran, Indonesia dalam menghadapi kemelut tsunami di Kota Palu, Sulawesi Indonesia, Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG) dan Kelab Sukan & Kebajikan MPPG melalui Biro Pendidikan dan Biro Kebajikan telah berjaya mengumpulkan dana hampir RM7,000.00 bagi membantu mangsa yang ditimpa bencana gempa bumi dan tsunami.

Wang sumbangan yang di salurkan akan digunakan membiayai pembinaan rumah sementara dan membeli barang keperluan asas bagi warga mangsa bencana yang rata-rata masih sukar untuk meneruskan kehidupan. Sumbangan telah disampaikan oleh Encik Sulaiman bin Ismail, Setiausaha MPPG merangkap Pengurus Kelab Sukan & Kebajikan MPPG kepada Ketua Media Yayasan Dana Kebajikan Muslim Malaysia, (YDKMM) Puan Lenny Noor Diana Binti Azlan. YDKMM adalah merupakan salah satu NGO yang bergiat aktif menghulurkan bantuan di Kota Palu.

Ribuan terima kasih diucapkan kepada semua warga kerja MPPG dan komuniti Pasir Gudang yang turut bersama-sama menghulurkan sumbangan di dalam program sumbangan amal ini. Semoga usaha ini diberkati dan dirahmati Allah S.W.T.



PROGRAM GOTONG-ROYONG JKPZ ZON AIR BIRU



Penduduk bergotong-royong membersihkan kawasan kediaman di Taman Air Biru



Jawatankuasa Penduduk Zon Air Biru telah mengadakan program gotong-royong di perkarangan Masjid Perjiranan 9, Taman Air Biru pada 5 Januari yang lalu. Program disertai hampir 120 orang penduduk. Antara agensi yang turut serta dalam program ini termasuklah dari Jabatan Bomba dan Penyelamat Pasir Gudang, Jabatan Kesihatan MPPG, Jabatan Kesihatan Johor Bahru serta Jawatankuasa Masjid Al-Attihad Perjiranan 9.

Dengan membawa tema ‘Kebersihan Komuniti Kita, Tanggungjawab Kita’, objektif gotong-royong ini di harap, mampu memberi kesedaran kepada penduduk dan masyarakat kebersihan adalah tanggungjawab bersama, memupuk semangat tolol-menolong antara penduduk serta mananamkan sifat suka akan kebersihan dikalangan masyarakat.

Program berakhir pada jam 1.00 tengahari dengan jamuan makan tengahari bersama penduduk. Semoga usaha dan program seperti ini dapat dikekalkan penganjurannya pada masa akan datang.



31 JANUARI 2019

MAJLIS PENYERAHAN SUMBANGAN SEMPENA TAHUN BARU CINA 2019

Program telah diadakan bertempat di Dewan Serbaguna Jalan Gunung, Bandar Seri Alam pada 31 Januari yang lalu. Penyerahan sumbangan telah disampaikan oleh Y.B. Liow Cai Tung, Pengurus Jawatankuasa Pembangunan Wanita Dan Pelancongan Negeri Johor Merangkap Pengurus Yayasan Pasir Gudang. Turut hadir dalam program ini ialah, Y.B. Tuan Gopalakrishnan A/L Subramaniam, Adun Tiram, Encik Wan Mohd Hazan Amru Bin Hasbullah Whip Parti MPPG dan Encik Sulaiman Bin Ismail, Setiausaha MPPG.



Majlis disempurnakan oleh Y.B. Liow Cai Tung, Pengurus Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Pelancongan Negeri Johor merangkap Pengurus Yayasan Pasir Gudang. Seramai 200 orang penerima pelbagai kaum yang berlatar belakangkan dari keluarga kurang berkemampuan, OKU, pesakit kronik dan ibu tunggal yang kurang berkemampuan.





26 FEBRUARI 2019

MAJLIS PENYERAHAN SUBSIDI TAMBANG BAS SEKOLAH 2019



Program telah diadakan pada 26 Februari yang lalu bertempat di Dewan Serbaguna Taman Mawar. Majlis telah dirasmikan oleh Y.B. Liow Cai Tung Pengurus Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Pelancongan Negeri Johor merangkap Pengerusi Yayasan Pasir Gudang. Antara yang hadir dalam majlis ini ialah, Y.B. Tuan Gopalakrishnan A/L Subramaniam, Adun Tiram, Y.B. Dato' Hj. Che Zakaria bin Mohd Salleh, Adun Permas serta Tuan Hj. Zainor bin Adani, Yang Dipertua MPPG.



Seramai 465 orang penerima telah dipilih bagi menerima subsidi yang diberikan yang merupakan pelajar Sekolah Kebangsaan, Sekolah Menengah, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dan Cina. Pembayaran Subsidi akan dibayar kepada pengusaha bas / van yang terlibat dan jumlah subsidi yang diterima adalah sebahagian kos tambang bas/van sekolah. Penerimaan subsidi bagi pelajar sekolah menengah bermula Februari 2019 sehingga Oktober 2019 manakala pelajar sekolah rendah bermula Februari 2019 sehingga September 2019.





INFO TERKINI

MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG



PERMOHONAN BAZAR RAMADAN 2019



SYARAT-SYARAT PERMOHONAN BAZAR RAMADAN 2019

- Tawaran kepada peniaga beragama Islam sahaja (Warganegara Malaysia) berumur 18 tahun keatas (tarikh lahir sebelum/pada 15 & 16 April 2001).
- Tertakluk kepada pematuhan syarat pelesenan yang ditetapkan.
- Hanya satu tapak bazar sahaja dibenarkan. Salah satu permohonan akan dibatalkan jika didapati pemohon memiliki lebih dari satu petak bazar. Wang tidak akan dikembalikan.
- Pemohon hendaklah hadir sendiri (wakil tidak dibenarkan)** semasa undian tapak dijalankan pada tarikh berikut:-

TARIKH : 15 & 16 APRIL 2019 (ISININ & SELASA)
MASA : SILA RUJUK JADUAL 1
**LOKASI : ARAS 3 MENARA AQABAH,
MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG**

- Sila bawa bersama dokumen asal dan satu salinan dokumen-dokumen berikut :-
 - Kad pengenalan
 - Buku suntikan TY2 (tempoh masih sah)
 - Salinan sijil Kursus Pengendalian Makanan
- Keputusan pihak pengajur adalah muktamad.

SYARAT-SYARAT YANG PERLU DIPATUHI BAGI PERMOHONAN YANG BERJAYA

- Penetapan nombor petak dibuat secara undian
- Pemohon yang berjaya hendaklah menjelaskan bayaran secara tunai semasa hari undian tapak:
 - Sewa tapak mengikut lokasi (RM150) rujuk Jadual 2
 - Bayaran Apron RM30 (2 helai)
 - Bayaran Kursus Pengendalian Makanan RM50 seorang (bagi pemohon/pengendali makanan yang tidak pernah hadir kursus)
- Pemohon dikehendaki membawa bersama salinan kad pengenalan, salinan buku suntikan TY2 dan salinan sijil Kursus Pengendalian Makanan sekiranya mempunyai pekerja atau pembantu di tapak bazar.
- Dilarang menggunakan plastik konvensional untuk pembungkusan bagi setiap pembelian barang atau makanan/minuman mesti MENGGUNAKAN PLASTIK BIOROSOT DARI PEMBEKAL J-BIOTECH yang akan dijual pada hari undian.



**DOKUMEN YANG
TIDAK LENGKAP
AKAN DITOLAK**

MAJLIS UNDIAN PETAK BAZAR RAMADAN 2019 ARAS 3 MENARA AQABAH, MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG

15 APRIL 2019 (ISININ)

| MASA UNDIAN | LOKASI BAZAR |
|-------------|----------------------------------------|
| 8.30 am | PENDAFTARAN |
| 9.30 am | Jalan Pasar Awam, Taman Air Biru |
| 10.30 am | Jalan Sena, Taman Air Biru |
| 11.30 am | Jalan Bacang 36, Taman Kota Masai |
| 12.30 pm | Jalan Pulasan Utama, Taman Kota Masai |
| 1.00 pm | Jalan Tembikai 1,Taman Kota Masai |
| 2.00 pm | Jalan Intan, Taman Cahaya Masai |
| 2.30 pm | REHAT |
| 3.00 pm | PENDAFTARAN |
| 3.30 pm | Tempat Letak Kereta, Dewan Taman Mawar |
| 4.00 pm | Taman Cendana |
| | Jalan Sejahtera 1, Taman Nusa Damai |
| | TAMAT |

16 APRIL 2019 (SELASA)

| MASA UNDIAN | LOKASI BAZAR |
|-------------|-----------------------------------|
| 8.30 am | PENDAFTARAN |
| 9.30 am | Jalan Tasek 60, Bandar Seri Alam |
| 10.30 am | Jalan Kijang,Taman Scientex |
| | Jalan Kenari 15,Taman Scientex |
| | Jalan Pelanduk,Taman Scientex |
| 11.30 am | Jalan Pengkalan 5, Kg Pasir Putih |
| 2.00 pm | PENDAFTARAN |
| 2.30 pm | Jalan Balau 3, Taman Rinting |
| 3.00 pm | Jalan Asli 17,Taman Pasir Putih |
| 3.30 pm | Jalan Sg.Masai, Masai |
| 4.00 pm | TAMAT |

LOKASI BAZAR RAMADAN 2019 (SEWA PETAK)

JADUAL 2

| BIL | LOKASI | HARGA (RM) |
|-----|------------------------------------------|------------|
| 1 | Jalan Pasar Awam, Taman Air Biru | 150 |
| 2 | Jalan Bacang 36, Taman Kota Masai | 150 |
| 3 | Jalan Pulasan Utama, Taman Kota Masai | 150 |
| 4 | Jalan Tembikai 1, Taman Kota Masai | 150 |
| 5 | Tempat letak kenderaan Dewan Taman Mawar | 150 |
| 6 | Jalan Sejahtera 1, Taman Nusa Damai | 150 |
| 7 | Jalan Kijang, Taman Scientex | 150 |
| 8 | Jalan Kenari 15, Taman Scientex | 150 |
| 9 | Jalan Pelanduk, Taman Scientex | 150 |
| 10 | Jalan Asli 17, Taman Pasir Putih | 150 |
| 11 | Jalan Intan, Taman Cahaya Masai | 150 |
| 12 | Taman Cendana | 150 |
| 13 | Jalan Pengkalan 5, Kg Pasir Putih | 150 |
| 14 | Jalan Balau 3, Taman Rinting | 150 |
| 15 | Jalan Tasek 60, Bandar Seri Alam | 150 |
| 16 | Jalan Sg. Masai, Masai | 150 |



SALURAN ADUAN MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG



UNTUK BERITA DAN INFORMASI LAYARI



www.mmp.gov.my &
Yang Dipertua MPPG